

KETIKA Parti Keadilan Nasional (Keadilan) ditubuhkan kira-kira dua tahun lalu, banyak pihak meramalkan ia tidak akan bertahan lama. Perkara seperti ini bukanlah luar biasa kerana parti yang tidak mempunyai asas perjuangan yang jelas, amat sukar dihayati oleh pengikutnya. Lama kelamaan pengikutnya menyedari bahawa parti yang mereka sokong, kosong ideologi dan tidak mempunyai arah tuju yang jelas.

Parti seperti ini hanya ditubuhkan berasaskan emosi dan pertentangan. Pengikut disuruh membuat kerja, berhimpun dan melancarkan gerakan reformasi, tetapi matlamat yang ditetapkan tidak jelas. Pemimpin parti itu menyemarakkan semangat pengikut mereka supaya membenci kerajaan dan melakukan tindakan yang melanggar undang-undang.

Soalnya, sejauh mana mereka boleh memperalatkan pengikut dan rakyat supaya melakukan kerja yang sia-sia itu? Akibat termanak hasutan, pengikut parti itu mungkin pada mulanya percaya dengan dakwaan pemimpin mereka.

Tetapi, setelah mendapati pemimpin parti itu sendiri menggelabah, tidak ada sebab pengikut parti itu perlu mempertahankan tindakan mereka. Pengikut parti itu mula mempersoalkan apakah yang dilakukan oleh

parti itu untuk memperjuangkan nasib rakyat.

Apakah dengan bertindak mencetuskan huru-hara dan mengancam keselamatan, boleh menyelesaikan masalah. Majoriti rakyat mengharapkan kepada kestabilan politik. Apakah pengikut parti itu tidak berasa berdosa kerana mereka terbabit dalam percubaan untuk memporak-perandakan keselamatan negara. Rasanya, mereka sedar bahawa tindakan yang mereka lakukan selama ini adalah sia-sia. Oleh itu, ramai antara mereka insaf dan kembali ke pangkal jalan.

Hari ini penyokong parti itu kian jelas bahawa selama ini mereka hanya dikerah untuk melakukan sesuatu, malah dipaksa melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang, hanya untuk memperjuangkan kepentingan individu tertentu. Bagi pemimpin parti itu, jika penyokong ditangkap dan dijatuhi hukuman, ia bukanlah perkara penting bagi mereka.

Sebaliknya, mereka jelas mengambil sikap 'baling batu sembunyi tangan'. Analisis akhir menunjukkan bahawa pengikut parti yang tidak berdosalah dijadikan alat oleh pemimpin parti itu untuk kepentingan diri mereka.

Kemerosotan sokongan golongan muda kepada parti itu begitu dirasakan, kebelakangan ini terutamanya

Keadilan sudah dijangka

se-telah pilihan raya umum berakhir tahun lalu. Reaksi daripada pelbagai pihak menunjukkan mereka sendiri tidak pasti sama ada parti itu masih wujud atau sebaliknya.

Malah, kewujudan parti itu tidak memberi apa-apa makna dalam kehidupan seharian mereka. Sekalipun pemimpin parti itu cuba melakukan sesuatu tindakan untuk menarik perhatian umum, tetapi tindak balas rakyat, terutamanya golongan muda, ternyata begitu dingin. Mereka sudah hilang keyakinan kepada parti itu.

Jika sebelum ini laman web yang dikendalikan oleh pengikut parti itu sering dijadikan rujukan untuk mengetahui perkembangan parti itu, hari ini mereka sudah beralih ke laman web yang lebih mendatangkan faedah kepada mereka daripada mengikuti 'cerita rekaan' yang tidak ada penghujungnya. Dalam zaman yang bergerak cergas menuju ke arah pembentukan masyarakat bermaklumat, laman web parti itu tidak lebih daripada 'sampah'.

Mengikut perkembangan, apa yang dilakukan parti itu adalah perbuatan sia-sia dan membazirkan masa. Tidak ada agenda ilmu yang disediakan, sebaliknya mengajar rakyat kepada sikap dengki-mendengki, me-

maki hamun dan fitnah-memfitnah. Ini bukanlah budaya rakyat negara ini.

Adalah diramalkan pengaruh Keadilan akan terus terhakis dan tidak mustahil parti itu akan berkubur tidak lama lagi. Hari ini pun sudah wujud ciri-ciri perpecahan di kalangan pemimpin parti itu. Masing-masing sudah mula menuding jari sesama sendiri manakala pengikut juga mula meluat dengan gelagat pemimpin mereka.

Jika ramai pengikut parti itu mula menyertai Umno, ia adalah perkara yang memang dijangkakan. Keadilan bukanlah sebuah parti yang boleh dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara. Asas penubuhannya tidak berlandaskan kepentingan untuk membela nasib rakyat, sebaliknya membela nasib individu tertentu.

Memang benar sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa kebanyakan golongan muda yang menjadi penyokong parti itu mulai tawar hati dengan perjuangan sebenar parti itu.

Malah, sudah ramai juga antara mereka yang berasa malu untuk mengaitkan diri mereka dengan perjuangan yang sia-sia itu.